

HARUKI
MURAKAMI
dalam Kesusasteraan
Melayu

ハルキ ムラカミ

dalam Kesusasteraan
Melayu

disunting oleh
MAWAR SAFEI

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PEWARIS GEMILANG SDN. BHD.
No. 27G, Jalan Putra 8, Taman Kajang Putra,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-183-1

Kandungan

Prakata ... 7

- BAB 1 Mengenali Haruki Murakami Menerusi Jendela Kesusasteraan
Melayu Terakhir ... 9
Mawar Safei
- BAB 2 Pengaruh Haruki Murakami, Etgar Keret dan Gabriel Garcia
Marquez dalam Cerpen Roslan Jomel ... 17
Nur Farhana Rusli & Mawar Safei
- BAB 3 Pengaruh Haruki Murakami dalam Cerpen “Yunda” Karya Juri
Durabi ... 37
Jasni Matlani
- BAB 4 Realisme Magis Zainal Rashid Ahmad dan Haruki
Murakami ... 47
Nur Farhana Rusli
- BAB 5 Perbandingan Kecerdasan Emosi Watak Lelaki dalam Novel
Anwar Ridhwan dan Haruki Murakami ... 59
Maznida Mahadi & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali
- BAB 6 Secara Tidak Langsung, Ada Haruki Murakami dalam Fiksyen
yang Saya Karang ... 82
Lokman Hakim

- BAB 7 Haruki Murakami: Memori, Imajinasi dan Kucing ... 92
Roslan Jomel
- BAB 8 Haruki Murakami: Perpustakaan Aneh dan Lumut dalam
"Lukisan" ... 104
Ruhaini Matdarin
- BAB 9 Menyeduh Pengaruh Haruki Murakami ... 114
Rebecca Ilham
- BAB 10 Catatan tentang Haruki Murakami dalam Pengalaman Menulis
Kreatif ... 120
Jasni Matlani
- Rujukan ... 135*
Senarai Penyumbang ... 139
Indeks ... 141

Prakata

Menekuni beberapa gubahan karya barisan penulis mutakhir, wilayah kesusasteraan Melayu dilihat terhubung agak akrab dengan kesusasteraan Jepun. Malah lebih awal sastera Melayu turut meraikan tulisan Yasunari Kawabata, Kenzaburo Oe atau Matsuo Bashao, dan akhir-akhir ini ditemukan nama Haruki Murakami. Nama terkini, Haruki Murakami, ternyata mempunyai pengaruh khas dalam gubahan karya penulis mutakhir terutamanya dalam kalangan penulis muda. Ia sama ada dikesan dalam tulisan mereka oleh pengkritik atau penulis memang mengakuinya sendiri termasuk dalam pengkisahan proses kreatif masing-masing. Menarik untuk mengetahui apakah pengaruh terpilih yang dibawa Haruki Murakami dalam jagat kepengarangan Melayu. Ia sama ada memberi kesan kepada teknik, alur naratif atau mungkin juga pada nilai khusus yang menyelinap masuk antara baris-baris teks nukilan penulis muda berkenaan.

Pemerhatian ini antara yang diperoleh daripada penelitian kurang lebih setahun menerusi geran Yayasan Sumitomo 2020 (SK-2021-008 *Haruki Murakami and the Influence on Malay Literature*). Antara persoalan yang dikemukakan adalah tentang sebab-sebab Haruki Murakami begitu masyhur dalam kalangan pengarang muda kesusasteraan Melayu. Ia turut memerikan sejauh mana bentuk pengaruh karya Haruki Murakami terhadap kesusasteraan Melayu. Edaran soal selidik, penulisan proses kreatif dan tulisan kritikan terhadap para penulis berkenaan merupakan bahan utama bagi mendapatkan ragam dan garis pengaruh yang mahu dilihat itu.

Belahan pertama buku *Haruki Murakami dalam Kesusasteraan Melayu* ini terdiri daripada beberapa tulisan yang bersifat kritikan terhadap hasil karya kesusasteraan Melayu. Ia memperlihatkan adanya Haruki Murakami dalam nukilan Roslan Jomel, Juri Durabi dan Zainal Rashid Ahmad. Tulisan kritikan begini memberikan dimensi bandingan di antara kesusasteraan tempatan dengan kesusasteraan Jepun yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri di Malaysia. Misalnya kepengarangan Haruki Murakami ketimbang gubahan novel Anwar Ridhwan. Kerja bandingan ini antara lain juga memperlihatkan kedudukan sastera Melayu yang diwakili penulis mutakhir. Mereka membawakan wajah terkini sastera

Melayu; menafsir banyak segi dan permukaan yang dibentangkan secara realiti dan cuba membaurnya dengan kreatif dalam lapis imaginasi malah melepasi garis realisme magis.

Seterusnya belahan kedua himpunan catatan ini merupakan pengakuan beberapa penulis seperti Lokman Hakim, Roslan Jomel, Ruhaini Matdarin, Rebecca Ilham dan Jasni Matlani; antara yang mengisi dampak pengaruh kepengarangan Haruki Murakami. Mereka bercakap tentang titik pengenalan dengan Haruki Murakami, membaca karyanya dan bagaimana pula kemudian hasil tulisan mereka menerima pantulan daripada novel atau cerpen, malah biografi sasterawan ini. Menarik juga himpunan catatan ini antaranya memperkatakan proses kreatif para penulis yang ditumpukan secara tidak langsung. Buku seperti ini agak kurang dalam pasaran Malaysia, dan pastinya ia dapat membantu merencanakan bentuk penulisan berkenaan. Ia sangat membantu calon penulis untuk mempelajari kaedah membangunkan plot, watak, latar dan gaya pengucapan yang lebih eksperimental sifatnya. Calon atau penulis muda juga dapat menumpang semangat untuk berkarya daripada jalan kepengarangan para penulis yang banyak menerima pengiktirafan sastera ini. Mereka juga pada masa yang sama serentak dapat belajar dari susuk pengarang berpengaruh dalam melanggar banyak sempadan naratif dan geografi seperti Haruki Murakami.

Karya Murakami melapangkan bukaan jendela khalayak dengan cogan “cerita pendek adalah catatan harian yang indah.” Jiwa manusia kontemporari yang gelisah dengan kesendengan terhadap keterasingan sosial yang didepani setiap hari khususnya dalam pusaran golongan marginal. Bagaimana ia kemudiannya diungkapkan menerusi tulisan yang mempamerkan dampak Haruki Murakami dalam kesusasteraan Malaysia. Kita lebih dimengertikan mengapa semua ini berlaku dalam keriuhan pembangunan materi dan sering meninggalkan jauh di belakang nilai-nilai manusiawi. Kepada Penerbit UKM, terima kasih atas dukungan penerbitan buku ini menerusi Dana Penerbitan Buku (DPB-2023-053). Terima kasih meraikan terus kesusasteraan.

Selamat membaca!

Mawar Safei

Program Persuratan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia